

# PM jawab kes DNAA Ahmad Zahid di Dewan Rakyat hari ini

**KUALA LUMPUR:** Ahli Parlimen yang ada persoalan terhadap keputusan mahkamah yang melepaskan tanpa membebaskan (DNAA) Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi daripada 47 pertuduhan boleh bertanya kepada

Perdana Menteri hari ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual menjawab persoalan mengenai keputusan perkara itu di Parlimen hari ini.

“(Ahli Parlimen) Kota Bharu bertanya sama ada Perdana

Menteri akan menjawab (berhubung kes DNAA), beliau akan jawab, insya-Allah jam 2.30 hingga 3 petang (hari ini).

“Jadi, soalan-soalan itu boleh tanya kepada Perdana Menteri, tetapi, komitmen daripada kita

akan menentukan kita perlu berlaku adil,” katanya di Dewan Rakyat semalam.

Sebelum ini, Anwar dilaporkan tidak menolak kemungkinan untuk memberi penjelasan berhubung keputusan DNAA

Ahmad Zahid di Dewan Rakyat.

Mengikut amalan sejak Februari lalu, Anwar akan menjawab soalan semasa Sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri pada setiap Selasa dalam tempoh mesyuarat Dewan Rakyat.